

09 SEP 1999

PERTUNJUKAN BUNGA API SEMPENA LAWATAN DR MAHATHIR

KANGAR, 9 Sept (Bernama) -- Perhimpunan pemimpin bersama rakyat yang akan dihadiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Utama di sini pada 20 Sept akan turut diserikan dengan pertunjukan bunga api.

Pengerusi jawatankuasa kebudayaan, kesenian dan pelancongan negeri Arof Haji Saad berkata, pertunjukan itu akan diadakan sebaik sahaja Perdana Menteri selesai berucap.

Pertunjukan itu pada mulanya dijadualkan pada Ahad ini tetapi telah ditunda sehingga 20 Sept sempena lawatan Dr Mahathir.

Kira-kira 50,000 orang dijangka menghadiri perhimpunan yang turut diserikan dengan persembahan pantomim bertajuk "Hapuskan Fitnah Ke Alaf Baru" oleh kira-kira 100 pelajar Universiti Teknologi Mara, Arau.

Perhimpunan berkenaan adalah antara beberapa acara yang dijadualkan sempena lawatan dua hari Perdana Menteri ke Perlis.

Mengikut jadual lawatan, Dr Mahathir juga akan merasmikan majlis pecah tanah projek rumah pangsa awam Kangar dan merasmikan Bukit Ayer Resort pada 20 Sept.

Pada 21 Sept beliau akan merasmikan Maktab Perguruan Kangar, mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Barisan Nasional dan UMNO serta menghadiri jamuan teh bersama ketua jabatan.

-- BERNAMA

RIS NMO